

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD

TARIKH : 20 DISEMBER 2018 (KHAMIS)

SOALAN NO. 12

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kadar kiraan penetapan harga tambang bas dan van sekolah yang membebankan ibu bapa kerana kadar kenaikan tambang berlaku hampir setiap tahun.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bermula musim persekolahan 2015, kadar tambang perkhidmatan bas sekolah telah melalui proses de-regulasi kadar tambang. Ini bermakna, kadar tambang bas sekolah tidak lagi dikawal oleh pihak SPAD. Penetapan kadar tambang bas sekolah adalah ditetapkan melalui persetujuan di antara pengendali bas sekolah dan juga ibubapa dan penjaga.
2. Ini juga bermakna pengendali bas sekolah bebas untuk menawarkan perkhidmatan yang diperlukan oleh ibubapa seperti menggunakan kenderaan yang lebih selesa atau meningkatkan tahap keselamatan murid-murid mengikut kemampuan ibubapa tanpa menetapkan harga tambang bas sekolah yang diluluskan oleh SPAD untuk perkhidmatan mereka membawa murid-murid ke sekolah.
3. Walaubagaimanapun, ini tidak bermakna pengendali bas sekolah boleh menaikkan tambang sewenang-wenangnya tanpa penambahbaikan perkhidmatan ataupun mewujudkan ‘cartel’ iaitu bersekongkol untuk menetapkan harga minima.

Sekian, terima kasih.